

\*NS9485

U GB 04-03 00198 BH982

REPEAT aab

Mahathir - Kumpulan

EMBARGO: Untuk siaran selepas 8 malam ini

I

Oleh Sukardi Abdul Ghany

DENPASAR, 4 Mac (Bernama) — Cadangan menubuhkan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) telah mula menerima sambutan positif dari Eropah dan Amerika Syarikat sungguhpun pada mulanya terdapat sikap negatif terhadap penubuhannya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini malam ini.

Beliau, yang mencadangkan penubuhan kumpulan itu, berkata semua negara anggota Asean telah memahami konsepnya dan telah menyatakan sokongan mereka.

+Apa yang kita (di Asean) perlu lakukan sekarang ialah mencadangkan konsep ini secara rasminya kepada negara-negara Asia Timur di luar Asean. Ini merupakan tugas semua anggota Asean,+ kata Perdana Menteri dalam ucapan dasarnya pada satu persidangan antarabangsa di sini.

Dalam ucapan selama 30 minit itu, Datuk Seri Dr Mahathir juga menggariskan asas-asas pertubuhan serantau itu dalam menggalakkan perdagangan dan dalam mengekalkan perdagangan bebas selain menolak sebarang tanggapan bahawa kumpulan itu akan menjadi satu blok perdagangan.

+Biar saya jelaskan di sini bahawa ianya bukan bertujuan menjadi sebuah blok perdagangan. Kumpulan-kumpulan ekonomi serantau diiktiraf sebagai saluran yang sah untuk negara-negara dalam rantau berkenaan meningkatkan keupayaan ekonomi masing-masing,+ kata beliau. — Lagi

♥04/03/22-00MST

CNS9411

U GB 04-03 00165 BH983

aab

Mahathir - Kumpulan 2 Denpasar (Embargo)

+Layanan istimewa dan penghapusan sebarang sekatan perdagangan di dalam sesebuah kumpulan adalah sah dan wajar,+ katanya kepada para peserta persidangan mengenai +Asean dan Ekonomi Dunia+.

Semasa merasmikan persidangan tiga hari itu semalam, Presiden Suharto berkata EAEG mungkin menjadi kenyataan sebaik saja ia menerima persetujuan Asean.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata negara-negara Eropah dan juga Amerika Syarikat terkenal dengan muslihat ekonomi mereka, dan negara-negara Asia Timur tidak harus menubuhkan satu blok perdagangan walaupun mereka tidak dapat menyekat kecenderungan terhadap perdagangan antarabangsa yang terkawal.

Bagi menghentikan kecenderungan ini dan bagi mengekalkan perdagangan bebas, beliau menyarankan agar negara-negara Asia Timur, yang terkenal sebagai antara negara-negara paling dinamik pada masa kini, sepakat dalam menyuarakan pendirian mereka.

Menurut beliau tanpa perbincangan atau sebarang bentuk perkumpulan, matlamat itu sukar dicapai.

+Sebarang bentuk perdagangan bebas di kalangan kita pada masa ini adalah mustahil. Terdapat terlalu banyak ketidaksemaan dalam pembangunan kita,+ kata beliau. — Lagi

♥04/03/19-30MST

NS9456

GB 04-03 00182 BH988

ab

Mahathir - Kumpulan 3 Denpasar

+Perkumpulan yang formal bertujuan untuk menguruskan perundingan dan persetujuan sebelum berunding dengan Eropah atau Amerika atau pelbagai hala seperti Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) bukannya idea yang tidak boleh dicapai.

+Ia juga bukan menentang prinsip GATT atau bertentangan dengan keanggotaan pertubuhan seperti APEC yang dianggotai oleh Amerika dan Kanada, + katanya dalam ucapan yang bertajuk +Daripada Pertentangan Kepada erjasama: Agenda ASEAN Bagi Keamanan Yang Produktif+.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang pertama kali menjelaskan cadangan itu di hadapan sebuah persidangan antarabangsa, meminta peserta menyatakan pendirian dan inisiatif mereka untuk menyelamatkan sistem perdagangan bebas dunia.

+Adakah kita enggan untuk menerima fakta-fakta yang kelam itu? Haruskah kita menyembunyikannya? Perlukah kita menerimanya tanpa rungutan? Atau adakah harus kita bersemuka dengannya -- realiti terhadap blok dagangan dan blok negaranya?+ katanya beliau.

Lebih 1,000 peserta membanjiri dewan konvensyen baru di hotel bertaraf lima bintang itu untuk mendengar ucapan Perdana Menteri. Mereka termasuk Perdana Menteri Singapura Epcik Goh Chok Tong dan pemimpin-pemimpin korporat dunia dari 15 buah negara. -- Lagi

04/03/20-31MST

CNS9486

U GB 04-03 00127 BH989

REPEAT aab

Mahathir - Kumpulan 4 Denpasar

Datuk Seri Dr Mahathir berpendapat bahawa perkumpulan itu akan dihormati memandangkan kepada faktor-faktor yang sesuai seperti saiz pasaran, pengetahuan, teknologi dan kemahiran yang boleh dijadikan sebagai wadah tawar-menawar.

Satu lagi faktor yang baik ialah keanggotaan yang boleh mengingatkan anggota-anggota mengenai tanggungjawab mereka kepada dunia yang maju.

Usaha yang gigih boleh dilaksanakan untuk memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi negara anggota yang lemah dan ia boleh membantu dunia yang majunya.

Beliau berkata pengwujudan perkumpulan itu yang disokong oleh kekuatan ekonomi negara anggota, boleh membantu menghalang kecenderungan ke arah blok dagangan dan sistem perlindungan.

Pada masa yang sama, ia boleh mewujudkan dagangan dan pembangunan yang baik di kalangan perkumpulan itu, katanya. -- Lagi

04/03/22-00MST

NS9460

J GB 04-03 00142 RH990

ab

Mahathir - Kumpulan 5 Denpasar

Datuk Seri Dr Mahathir yakin keraguan mengenai penubuhan serta peranannya akan lenyap setelah semua pihak faham bahawa kumpulan itu lebih bersifat pelengkap dan bukannya penentangan.

+Dagangan dunia akan mendapat faedah, dan bukannya ditindas ekoran wujudnya EAEG,+ kata beliau.

Perdana Menteri juga menyentuh mengenai demokrasi dan perdagangan bebas dengan menyebut negara-negara kini mendapati lebih mudah untuk menyingkahkan hasrat mereka atau untuk menggulingkan rejim kuku besi daripada memperolehi faedah-faedah daripada kebebasan demokratik dan ekonomi pasaran.

+Kuasa rakyat adalah sesuai. Ia boleh mengetepikan diktator dan kerajaan yang tidak bersih. Tetapi kuasa membawa kepada unsur-unsur tidak bersih dan kuasa rakyat juga tidak dapat elak daripada menjadi tidak bersih,+ katanya.

Beliau berkata penyingkiran mereka yang tidak bersih seringkali juga menaikkan seorang lagi pemimpin yang telah atau akan menjadi tidak bersih.--Lagi

04/03/20-43MST

NS9461

J GB 04-03 00112 BH991

ab

Mahathir - Kumpulan 6 Denpasar

Menurutnya, demokrasi perlu menjadi budaya kepada rakyat baginya untuk mencapai kejayaan di samping kegagalannya diakui dan diterima.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menyentuh tentang latar belakang ekonomi SEAN, kejayaan dan prospeknya serta menyuarakan aspek negatifnya.

Beliau juga mencadangkan satu mesyuarat tidak rasmi di kalangan ketua-ketua kerajaan ASEAN kerap diadakan semata-mata untuk bertukar-tukar pandangan dan perspektif serta berhubung rapat.

Yang turut hadir ialah Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Ali, wakil Khas Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Datuk Musa Hitam dan lebih 100 orang pegawai kanan Malaysia daripada sektor awam dan swasta. -- Bernama

04/03/20-47MST